

Syor pindahkan

Kuala Lumpur

BH-17/7/2007

SEORANG senator semalam mencadangkan Bandar Raya Kuala Lumpur dipindahkan ke kawasan lain supaya ia boleh dikenali 'ibu kota tanpa lumpur' selepas semua usaha menangani banjir di kawasan berkenaan, gagal.

Cadangan Dr Mohd Puad Zarkashi yang menimbulkan keriuhan ahli Dewan Negara turut mendapat sokongan sebahagian senator.

Dr Mohd Puad berkata, kedudukan geografi Kuala Lumpur di kawasan lembah sememangnya terdedah kepada banjir selain kepadatan penduduk tinggi, menyebabkan Bandaraya Kuala Lumpur semakin sempit.

"Justeru, daripada berbelanja berbilion ringgit menyelesaikan banjir yang belum tentu berkesan, lebih baik jika ibu kota Kuala Lumpur kita pindahkan ke tempat lain dan diberi nama baru 'ibu kota tanpa lumpur'," katanya apabila mengemukakan soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Yew Teong Look.

Dr Mohd Puad merujuk kepada banjir di ibu negara 10 Jun lalu dan kegagalan sistem terowong Smart dalam menanga-

ni bencana alam itu.

Yew berkata, adalah tidak wajar bagi mana-mana pihak menyalahkan kerajaan berhubung masalah itu kerana ketika kejadian, projek Smart belum siap sepenuhnya.

"Ia hanya siap dua minggu selepas banjir ...jadi kita tak boleh membuktikan bahawa Smart Tunnel itu berkesan atau sebaliknya.

"Bagaimanapun, mengikut kiraan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), selepas terowong Smart boleh digunakan pakai baru-baru ini, banjir besar dapat diatasi di Kuala Lumpur," katanya.

Menjawab soalan asal Senator GK Loga Chitra mengenai tindakan DBKL mengawal banjir, Yew berkata, beberapa langkah dilakukan seperti kerja penyenggaraan berkala sungai dan parit induk selain langkah jangka panjang seperti menaik taraf parit sedia ada, membina kolam takungan banjir dan membina stesen pam mengawal banjir.

Bagi peniaga yang kerugian akibat banjir tempoh hari, Yew menegaskan tiada pampasan akan diberikan.